

## **Peranan Protestan Church in Sabah (PCS) dalam perkembangan sosial masyarakat Rungus 1953-1993 di Kudat**

### **ABSTRAK**

Artikel ini membincangkan tentang peranan yang dimainkan oleh Protestant Church in Sabah dalam perkembangan sosial masyarakat Rungus di Kudat dari tahun 1953 hingga 1993. Kajian ini cuba menganalisis kewujudan dan peranan yang dimainkan oleh PCS sebagai satu institusi keagamaan telah membawa perubahan dalam aspek kerohanian, pendidikan dan kesihatan masyarakat Rungus dalam tempoh 40 tahun yang dikaji. Kajian ini banyak bergantung kepada sumber-sumber primer yang berasaskan dokumen, akhbar, laporan serta catatan-catatan golongan mubaligh. Kajian ini mendapati bahawa aktiviti penyebaran Kristian yang dilakukan oleh mubaligh Jerman dan Switzerland terdahulu ke atas kaum Rungus yang serba kekurangan dan ketinggalan dari arus permodenan, telah mendorong mubaligh PCS untuk meneruskan legasi ini. Mubaligh PCS, dengan bantuan Misi Basel, telah memainkan peranan yang aktif dalam membawa perubahan dalam bidang pendidikan dan kesihatan, di mana ia dilihat bukan sahaja sebagai usaha menunaikan tanggungjawab moral dan sosial mereka terhadap masyarakat Rungus di Kudat, tetapi juga bertujuan untuk mencapai agenda besar mereka iaitu menyebarkan agama kristian.